

09 SEP 1996

Sarji-Misi

PEGAWAI DAERAH PERLU ADA WAWASAN DAN MISI, KATA SARJI

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini berkata semua pegawai daerah di negara ini perlu ada wawasan dan misi tersendiri dalam merealisasikan matlamat pembangunan di daerah masing-masing.

Beliau berkata wawasan dan misi yang jelas dan memberangsangkan amat penting kerana ia dapat mencorakkan ciri keistimewaan organisasi sesebuah pejabat daerah.

Ketika berucap merasmikan Seminar Pegawai-pegawai Daerah Se-Malaysia di sini, beliau berkata

Wawasan dan misi itu hendaklah dibentuk berasaskan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya berlaku transformasi luar bandar agar aktiviti yang dijalankan sesuai dengan aktiviti pertanian dan industri moden dengan penekanan kepada pembangunan manusia.

Ahmad Sarji berkata berasaskan saranan itu, maka misi pejabat daerah hendaklah mengandungi beberapa agenda seperti usaha menjana kualiti hidup penduduk melalui program dan aktiviti demi memastikan kawasan tempatan lebih proaktif, menarik, maju dan menguntungkan melalui proses penggilapan potensi penduduk setempat secara berterusan ke tahap cemerlang.

"Kita mengimpikan mesyarakat madani dan biarlah ciri-ciri masyarakat madani yang diutarakan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya "Al-Muqaddimah" menjadi kenyataan di negara ini," katanya.

Beliau berkata dalam konteks pelaksanaan misi itu, setiap langkah dan tindakan pegawai daerah perlu berasaskan kepada Dasar Pembangunan Negara yang diterjemahkan ke peringkat daerah dan tempatan.

Katanya dimensi baru strategi pembangunan Rancangan Malaysia Ke-7 iaitu pengurangan kemiskinan dan pembangunan yang lebih seimbang dalam konteks pertumbuhan yang berterusan perlu diambil sebagai garis panduan apabila menghadapi apa jua permasalahan.

Justeru itu, katanya, pegawai daerah perlu peka dengan masalah kemiskinan mutlak dan relatif serta jurang perbezaan di antara golongan yang berada dan kurang berada.

Ahmad Sarji berkata pegawai daerah juga perlu menangani masalah jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar kerana arah aliran seperti ini akan terus berlaku memandangkan kesan globalisasi yang tidak seragam.

Beliau berkata di dalam suasana di mana pembangunan semakin pesat berlaku di kawasan yang tidak dilengkapi infrastruktur berkualiti, ditambah pula dengan penduduknya tidak dapat menguasai kemahiran dan pengetahuan, menyebabkan pergerakan sosio-ekonomi penduduk luar bandar terus mendatar.

"Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab pejabat daerah untuk terus bertindak secara proaktif dalam memastikan kawasan luar bandar serta penduduknya tidak ditelan oleh proses globalisasi itu," katanya. -- BERNAMA

AKT AKD